



# ABSTRAK

*Pengaruh Falsafah  
Pragmatisme ke atas  
Pemikiran Pelajar  
Melayu Islam  
Sek. Men. Keb. Victoria*

## BAB KEEMPAT

### LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISIS DATA

#### 4.1 : PENGENALAN

Penulis membahagikan bab ini kepada dua bahagian. Laporan hasil penyelidikan akan dikemukakan di bawah tajuk Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria. Manakala analisis data daripada borang kaji selidik, pemerhatian dan beberapa interview yang telah dijalankan akan dikemukakan di bawah tajuk pengaruh falsafah pragmatisme ke atas pemikiran pelajar Melayu Islam Sek.Men. Keb. Victoria.

#### 4.2 : SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN VICTORIA

##### 4.2.1 : Sejarah Penubuhan Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria adalah salah sebuah sekolah primier yang terdapat di Kuala Lumpur. Ia merupakan sekolah yang mempunyai sejarah kegemilangan dan kecemerlangannya yang tersendiri.

Penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria atau Victoria Institution (V.I) pada penghujung abad ke-19 adalah lahir dari kesedaran umum tentang perlunya kemudahan pendidikan untuk anak-anak watan terutamanya di negeri Selangor. Antara orang kenamaan yang prihatin terhadap isu kemasyarakatan ini termasuklah Kapitan Cina Yap Kwan Seng, Towkay Loke Yew dan

Thamboosamy Pillay. Mereka telah mendesak Residen British W.H Treacher agar menggunakan lebih wang sambutan Jubli Emas Ratu Victoria pada tahun 1887 untuk menubuhkan sebuah Institusi Pendidikan. Cadangan tersebut mendapat sokongan daripada Residen Jeneral Sir Frank Swettenhem tetapi jumlah wang sebanyak \$ 3188 tidak mencukupi. Kutipan derma kali kedua telah dilancarkan dan berjaya mengumpulkan \$ 10,753 dan kerajaan negeri Selangor telah memperuntukkan \$ 7 000 untuk tujuan pembinaan.

Hasilnya pada 14 Ogos 1893 Victoria Institution telah ditubuhkan. Perletakan batu asas dilakukan oleh Puan W.H Treacher. V.I diuruskan oleh satu lembaga amanah yang ditubuhkan pada 15 Jun 1893. Pada 15 Januari 1894 V.I telah memulakan pengambilan 8 orang murid dan 4 orang guru. Bangunan sekolah terdiri daripada sebuah blok sekolah dan tempat tinggal pengetua yang bertapak di sebidang tanah seluas seekar di High Street (Jalan Bandar). Encik Bennet Eyre Shaw telah dilantik oleh pejabat Kolonial London sebagai pengetua yang pertama. Yuran pengajian yang dikenakan pada ketika itu ialah sebanyak \$1 sebulan.

Selaku pengetua rasmi yang pertama, Encik Bennet telah membentuk asas dan tradisi V.I yang seimbang. Hari penyampaian hadiah yang pertama diadakan pada tahun 1894 sementara sukan olahraga pertama diadakan pada tahun 1898. Biasiswa-biasiswa mula diperkenalkan untuk membantu pelajar. Antara biasiswa yang diwujudkan ialah biasiswa Treacher dan biasiswa Nugent-Walsh.

Apabila R.J.H Sidney mengambil alih jawatan pengetua. Banyak perubahan telah dilakukan. Perlantikan Lembaga Pengawas pada 6 April 1923 adalah yang terulung di Asia tenggara. Persekolahan dua sesi telah ditukar kepada persekolahan satu sesi hingga sekarang. Mulai 1 September 1925, pentadbiran V.I telah diambil alih sepenuhnya oleh pihak kerajaan.

Akibat ancaman banjir yang berterusan pada Mac 1917 dan Oktober 1918 maka persekolahan terganggu. Pada 1919 kerajaan telah memperuntukkan tapak baru seluas 23 ekar di Batu Road. Namun disebabkan kemelesetan getah pada tahun 1921, rancangan tersebut tergendala. Pada tahun 1925 tapak baru V.I telah dipilih di Bukit Petaling dan V.I kekal sehingga hari ini. Di tempat tersebut perletakan batu asas telah dilakukan oleh Sultan Selangor pada 21 September 1927. Upacara perasmianya telah disempurnakan oleh Sir Hugh Clifford, Pesuruh Jaya Tinggi British pada 26 Mac 1929. Upacara yang bersejarah tersebut turut disaksikan oleh bekas pengetua pertama, Encik Bennet Eyre Shaw. Sekolah baru ini menjadi sekolah menengah pertama di negara ini yang mengambil pelajar daripada darjah 5 dan ke atas sahaja. Pada 10 Jun 1938, kolam renang yang lengkap dengan papan terjun dan kemudahan bilik mandi dibuka.

Peperangan dunia ke dua telah meninggalkan kesan mendalam dalam sejarah V.I. Di antara tahun 1940 hingga 1941 padang sekolah telah digunakan sebagai Markas Tentera Sementara. Pejabat Cukai perang telah dipindahkan ke dewan sekolah tetapi persekolahan diteruskan. Pada bulan Januari persekolahan terpaksa ditutup apabila tentera Jepun masuk ke Kuala Lumpur. Ramai murid-murid tua dan

guru terkorban dalam usaha mempertahankan negara. Dewan V.I mencatat sejarah apabila Jepun menyerah kalah dan menandatangani penyerahan kuasa pada 12 September 1945. V.I dibuka semula pada 22 Oktober 1945 di sekolah Batu Road sebagai sekolah petang dan pada Mac 1946 V.I telah berpindah ke sekolah Maxwell dan menjalani sesi pagi. Apabila pentadbiran tentera British meninggalkan bangunan sekolah, V.I kembali ke bangunan asal di Bukit Petaling pada 9 September 1946.

Perayaan Jubli Emas yang sepatutnya diadakan pada tahun 1943 telah disambut secara besar besaran pada tahun 1946. Loceng Kapal H.M.S Malaya telah dihadiahkan kepada sekolah pada September 1947. Pengambilan pelajar ke tingkatan enam mula dilakukan pada tahun 1950 dan turut menerima pelajar perempuan untuk tingkatan enam. Pada tahun 1957 dua buah bangunan baru iaitu blok tingkatan enam dan asrama telah dirasmikan.

Pada hujung tahun 1957 perpustakaan V.I telah dilengkapi dengan kemudahan alat penghawa dingin dan menjadi perpustakaan pertama di Malaya yang mempunyai alat penghawa dingin. Pada 14 Ogos 1993 maka genaplah seratus tahun usia Victoria Institution. Hari ini V.I terus menjadi lambang kebanggaan dan mercu tanda kecemerlangan dalam bidang pendidikan.<sup>1</sup>

#### **4.2.2 : Kedudukan Geografi Sekolah**

Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria terletak di Jalan Hang Tuah, Kuala Lumpur. Kedudukannya bersebelahan dengan Stadium Merdeka dan Stadium Negara.

( Rujuk Lampiran A )

#### **4.2.3 : Falsafah Pendidikan Sekolah**

Pendidikan di Victoria Institution adalah usaha berterusan kearah memperkukuhkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan pelajar yang cemerlang di bidang ilmu pengetahuan, berhemah tinggi serta berakhlak mulia dan gigih serta bersemangat di dalam gerak kerja ko-kurikulum.

#### **4.2.4 : Ikrar Pelajar**

Kami pelajar-pelajar Victoria Institution

Akan mematuhi undang-undang sekolah

Belajar hingga ketahap yang tertinggi

Demi mencapai aspirasi sekolah untuk

Melahir cendekiawan, ahli sukan

Dan manusia berhemah tinggi

#### **4.2.5: Lencana Sekolah**

( Gambar : Rujuk Lampiran C )

Rupabentuk keseluruhan lencana menyerupai sebuah perisai. Ini adalah selaras dengan kepercayaan dahulu bahawa bentuk sebegini dapat menghindari semua kejahatan dan musuh.

##### **Seladang:**

Merupakan haiwan yang sukar dijumpai sama ada di Malaysia mahupun di dunia seperti juga pelajar V.I yang terdiri daripada golongan yang unik dan sanggup bekerja keras untuk mencapai matlamat.

##### **Anak kunci:**

Menunjukkan kunci pengetahuan ke arah mencapai segala matlamat dan tujuan bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam bidang-bidang kehidupan yang lain selepas persekolahan.

##### **Anak tangga:**

Merupakan tangga yang membawa KEJAYAAN

##### **Bulan bintang:**

Melambangkan agama rasmi negara iaitu agama Islam

### **Warna biru tua dan biru muda:**

Warna biru tua dan biru muda merupakan warna bagi dua buah institusi yang unggul Oxford dan Cambridge. Warna-warna ini telah dijadikan warna rasmi bagi sebuah lagi sekolah yang unggul iaitu Victoria Institution. Warna biru tua membentuk huruf "V.I"

#### **4.2.6: Lagu Sekolah**

Sanjungan didendangkan

Pengasasan budiman

Sanjungan didendangkan

Pengasasan budiman

Kerana jasa hikmat mulia

Yang mengharung samudera

Dan putera Malaysia

Kekal cita Victoria

Kenangan dilayangkan

Pada semua lepasan

Kenangan dilayangkan

Pada semua lepasan

Lain bangsa satu cita

Diingat pada semua

Ilmu zahir utama

Rohani pun setara



Ikrar pula lafazkan

Junjung sekolah pujaan

Ikrar pula lafazkan

Junjung sekolah pujaan

Dalam usaha gerak laku

Warisan lama dan baru

Bergandingan, bersatu

Hidup victoria diaju<sup>2</sup>

#### **4.2.7: Sistem Pengajian**

Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria adalah sekolah bantuan penuh kerajaan. Kemasukan pelajar dikawal dan diselia oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan. Hanya pelajar-pelajar yang telah mencapai keputusan yang cemerlang dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) diterima masuk ke Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria.

Sekolah ini menyediakan tempat bagi tingkatan satu hingga ke tingkatan enam. Pelajar-pelajar yang terpilih masuk ke sekolah ini adalah pelajar yang terpilih dari sekolah-sekolah sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria menawarkan tiga peperiksaan awam kepada para pelajar. Pelajar-pelajar tingkatan tiga akan menduduki peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR), pelajar-pelajar tingkatan lima akan menduduki

peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pelajar-pelajar tingkatan enam akan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM).

Mata Pelajaran yang ditawarkan di peringkat menengah rendah ialah :

- ◆ Bahasa Malaysia
- ◆ Bahasa Inggeris
- ◆ Matematik
- ◆ Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral
- ◆ Sejarah
- ◆ Sains
- ◆ Geografi
- ◆ Kemahiran Hidup
- ◆ Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
- ◆ Pendidikan Seni

Untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia para pelajar wajib mengambil mata pelajaran teras dan diberi pilihan untuk mengambil mata pelajaran elektif sesuai dengan minat dan kecenderungan masing-masing. Pelajar juga boleh memilih aliran sastera ikhtisas atau aliran sains.

Mata pelajaran teras adalah seperti berikut :

1. Bahasa Melayu
2. Bahasa Inggeris
3. Pendidikan Islam/ Pendidikan Moral
4. Sejarah

5. Matematik

6. Sains

Mata pelajaran elektif (pilihan) pula adalah seperti berikut:

1. Pendidikan Seni

2. Matematik Tambahan

3. Prinsip Akuan

4. Ekonomi

5. Lukisan Kejuruteraan

6. Reka Cipta

7. Fizik

8. Kimia

9. Biologi

Bagi Peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) para pelajar boleh memilih matapelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan masing-masing. Mata Pelajaran yang ditawarkan ialah :

1. Pengajian Am

2. Bahasa Melayu

3. Bahasa Cina

4. Bahasa Tamil

5. Kesusasteraan Melayu

6. Sejarah

7. Ekonomi

8. Perakaunan
9. Matematik S
10. Matematik T
11. Matematik Lanjutan T
- 12.. Fizik
13. Kimia
14. Biologi
- 15.Perniagaan

#### **4.2.8 : Kegiatan Ko-Kurikulum**

Selain daripada penumpuan kepada bidang akademik, V.I juga amat mengambil berat dari segi kegiatan ko-kurikulum. Pihak sekolah telah menubuhkan beberapa lembaga yang dianggotai oleh pelajar-pelajar yang terpilih. Lembaga-lembaga tersebut ialah :

- ◆ Lembaga Pengawas
- ◆ Lembaga Pengerusi
- ◆ Lembaga Pusat Sumber Perpustakaan
- ◆ Lembaga Pusat Sumber Alat Pandang Dengar
- ◆ Lembaga Muzium
- ◆ Lembaga Ketua Tingkatan
- ◆ Lembaga Sidang Pengarang Seladang
- ◆ Lembaga Unit Bimbingan dan Kaunseling
- ◆ Lembaga Koperasi

♦ Lembaga Pinjaman Buku Teks

Selain itu wujud juga pelbagai kelab, persatuan dan unit beruniform yang aktif menjalankan pelbagai aktiviti. Unit-unit beruniform, persatuan dan kelab yang terdapat di V.I boleh dilihat berdasarkan jadual berikut :

Jadual 4.2.8 :

<b>UNIT BERUNIFORM</b>	<b>PERSATUAN</b>	<b>KELAB</b>
Pancaragam Kor Kadet Victoria	Persatuan Pelajar-pelajar Islam	Kelab Memanah
Pasukan Kadet Bersatu Malaysia	Persatuan Sains dan Matematik	Kelab Catur
Kump. Pengakap Bukit Bintang Pertama	Persatuan Pengguna	Cyber Brigade
Kump. Pengakap Bukit Bintang Kedua	Persatuan Bahasa Cina	Kelab Kultura Kebunan
V.I Red Crescent Society	Persatuan Kemahiran Hidup	Kelab Interact
Kadet Remaja Sekolah	Persatuan Bahasa Melayu	Kelab Seni Foto
Kadet Polis	Persatuan Seni Silat Kuntau	Kelab Penyokong
Kadet Bomba	Persatuan Pengusaha Muda	Kelab Pelajar Perempuan
	Persatuan Filateli dan Numismatik	Majlis Tingkatan Enam
	Literary and Debating	The Life Guard Corp

	Society	
	Persatuan Kebudayaan India	Kelab Landskap dan Arkitektur
		Kelab Seni Lukis
		Kelab Badminton

Dalam bidang sukan pula terdapat pelbagai pasukan dan rumah-rumah sukan bagi memastikan pelajar-pelajar sentiasa bergiat cergas dan mencipta nama bagi yang berkebolehan dan berbakat. Di sekolah inilah jaguh-jaguh badminton negara yang dikenali sebagai anak-anak Sidek bersekolah. Mereka mula mencipta nama di peringkat sekolah dan akhirnya di peringkat antarabangsa. Rumah-rumah sukan yang terdapat di sekolah ini adalah seperti berikut :

- ◆ Rumah Rodger
- ◆ Rumah Yap Kwan Seng
- ◆ Rumah Thamboosamy
- ◆ Rumah Sultan Abdul Samad
- ◆ Rumah Shaw
- ◆ Rumah Loke Yew
- ◆ Rumah Lee Kuan Yew
- ◆ Rumah Treacher

Pasukan-pasukan sukan yang terdapat di sekolah ini pula adalah seperti berikut:

- ◆ Pasukan Badminton
- ◆ Pasukan Renang
- ◆ Pasukan Tennis

- ◆ Pasukan Ping Pong
- ◆ Pasukan Polo Air
- ◆ Pasukan Olahraga
- ◆ Pasukan Bola Sepak
- ◆ Pasukan Hoki
- ◆ Pasukan Bola Keranjang
- ◆ Pasukan Ragbi
- ◆ Pasukan Petangue<sup>3</sup>

#### **4.2.9 : Statistik Pelajar Sek. Men. Keb. Victoria Mengikut Jantina , Agama dan Bangsa**

( Rujuk Lampiran D )

#### **4.2.10 : Senario Pelajar Melayu Islam Sek. Men. Keb. Victoria**

Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria mempunyai bilangan pelajar seramai 1313 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 581 orang adalah pelajar Islam. Ini bermakna pelajar Melayu Islam adalah 45% daripada jumlah keseluruhan pelajar sekolah ini.

Dari sudut akademik, pelajar-pelajar Melayu Islam telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan awam. Sekolah ini adalah merupakan salah sebuah sekolah yang berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM. Untuk Peperiksaan PMR antara tahun 1997 dan

1999 peratusan yang mendapat 7A dan 8 A adalah antara 45% ke 48%. Begitu juga bilangan yang mendapat pangkat 1 dalam peperiksaan SPM antara tahun 1997 hingga 1999 adalah disekitar 65% ke 70%. Bilangan pelajar Melayu Islam yang mendapat 8A dalam peperiksaan PMR pada tahun 1998 ialah seramai 15 orang. Jumlah tersebut adalah 28% daripada jumlah keseluruhan pelajar yang mendapat 8A.

Dalam peperiksaan SPM 1996, Mohamad Omar Fateh telah muncul sebagai pelajar terbaik keseluruhan. Ia merupakan pencapaian yang membanggakan di kalangan pelajar Islam. Di dalam matapelajaran Pendidikan Islam kelulusan 100% dicapai untuk tiga tahun berturut-turut iaitu dari tahun 1996 hingga 1999.

Selain itu, sesuatu yang dapat dibanggakan ialah 80 % daripada pelajar-pelajar Melayu Islam memilih aliran Sains dan Sastera Ikhtisas didalam peperiksaan SPM. Kedua-dua bidang tersebut adalah landasan untuk memilih kerjaya profesional seperti doktor, akauntan, peguam dan lain-lain. Bidang-bidang tersebut sebenarnya kurang diceburi oleh pelajar Islam secara keseluruhannya.

Walaupun bagaimanapun, tahap pencapaian tersebut mestilah diperbaiki kerana sekiranya dibandingkan dengan pelajar-pelajar bukan Islam, pelajar-pelajar Islam agak ketinggalan. Contohnya dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah 1997, bilangan pelajar bukan Islam yang mendapat A penuh ialah seramai 54 orang berbanding dengan 27 orang pelajar-pelajar Islam. Pada tahun 1998 bilangan pelajar bukan Islam yang mendapat A penuh ialah 39 orang berbanding 15 orang pelajar Islam.<sup>4</sup>



Pelajar Islam Sek. Men. Keb. Victoria dinaungi oleh Persatuan Pelajar-pelajar Islam Victoria Institution atau lebih dikenali sebagai PPIVI. Semua pelajar V.I yang beragama Islam secara automatik akan menjadi anggota PPIVI. Persatuan ini bertanggungjawab menjaga kebajikan setiap anggotanya selain memimpin pelajar-pelajar tersebut ke arah amalan yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah. Di antara program yang dianjurkan ialah solat zohor berjamaah, majlis qiamullail, ceramah sempena hari kebesaran Islam serta kuliah ilmu untuk kakitangan yang beragama Islam.<sup>5</sup>

#### **4.3 : PENGARUH FALSAFAH PRAGMATISME KE ATAS PEMIKIRAN PELAJAR MELAYU ISLAM SEK. MEN. KEB. VICTORIA.**

Analisis data daripada borang kaji selidik amat penting kerana disinilah penilaian dapat dibuat sama ada falsafah pragmatisme telah berjaya mempengaruhi pemikiran pelajar atau tidak. Bagi memudahkan penganalisan dibuat penulis telah membahagikan borang kaji selidik kepada lima bahagian iaitu biodata, kefahaman Islam, soalan-soalan yang berkaitan dengan landasan teori (falsafah pragmatisme), soalan-soalan yang dapat mencungkil kecenderungan pemikiran pelajar dan juga soalan-soalan berbentuk umum.

Soal selidik ini telah diedarkan kepada 100 orang pelajar iaitu 17% daripada bilangan keseluruhan pelajar Melayu Islam Sek. Men. Keb. Victoria. Jumlah ini menepati syarat sesuatu penyelidikan yang memerlukan 10% responden daripada jumlah keseluruhan sampel kajian. Daripada respons yang diberi, penulis dapat

mengenalpasti sejauhmana pelajar-pelajar dipengaruhi oleh aliran falsafah pragmatisme.

Sampel kajian telah dipilih secara rambang yang terdiri daripada 48 orang pelajar tingkatan 2, 46 orang pelajar tingkatan 4 dan 6 orang pelajar tingkatan 6. Penulis memilih pelajar tingkatan 2,4 dan 6 kerana telah disyaratkan oleh pihak Kementerian Pendidikan supaya penyelidikan ini tidak mengganggu pelajar-pelajar yang mengambil peperiksaan iaitu tingkatan 3, 5 dan 6 atas. Memandangkan sekolah ini hanya menempatkan pelajar lelaki manakala pelajar perempuan pula hanya di tingkatan enam maka 95% daripada responden terdiri daripada pelajar lelaki. 5% lagi adalah pelajar perempuan daripada tingkatan enam. Kesemua responden berasal daripada Kuala Lumpur. 42% daripadanya adalah anak kakitangan swasta, 34% anak kakitangan kerajaan, 16% bekerja sendiri, 5% anak pesara dan 3% anak yatim.

Berikut adalah merupakan perincian terhadap soal selidik yang telah dijalankan untuk memberikan gambaran secara mendalam tentang pengaruh falsafah pragmatisme terhadap pemikiran pelajar Islam.

#### **4.3.1 : Kefahaman dan penghayatan Islam**

Penulis mengemukakan soalan berkaitan kefahaman dan penghayatan Islam untuk melihat sejauh mana pelajar-pelajar faham dan menghayati perkara-perkara asas dalam Islam. Maklumat ini penting kerana penghayatan dan kefahaman Islam juga adalah pencorak pemikiran yang utama kepada umat Islam. Penghayatan Islam

yang mendalam akan mencetuskan pemikiran yang berlandaskan hukum syariat.

Analisis dibuat berdasarkan beberapa jadual berikut:

Jadual 1: Pelaksanaan Solat Wajib

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Solat 5 waktu sehari semalam	49	49
Kadang – Kadang	46	46
Jarang – jarang	5	5
Tidak Pernah	0	0

Jadual 2 : Sebab-sebab meninggalkan sembahyang.

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Malas	31	31
Lebih suka hiburan daripada sembahyang	3	3
Tidak tahu sembahyang	0	0
Ibu bapa tidak suruh sembahyang	1	1
Ibu bapa juga tidak sembahyang	1	1
Sebab-sebab lain	59	59

Daripada dua jadual yang dikemukakan ternyata hanya 49% sahaja pelajar yang menunaikan solat wajib lima waktu sehari semalam. Manakala majoritinya tidak tetap menunaikan solat iaitu sebanyak 51%. Walaupun majoritinya sedikit, ia tidak boleh dipandang remeh kerana solat adalah tiang agama dan dengan solat umat Islam tercegah daripada melakukan kemungkaran. Kadar ini akan meningkat sekiranya pencegahan awal tidak diambil. Walaupun begitu tidak ada pelajar yang tidak pernah menunaikan solat dalam sehari. Ini mungkin disebabkan usaha pihak sekolah yang mengadakan solat Zohor secara berjamaah di surau pada setiap hari.

Malas adalah merupakan sebab paling utama pelajar-pelajar tidak menunaikan solat iaitu sebanyak 31%. Daripada temubual yang dijalankan dengan beberapa orang pelajar di asrama, penulis mendapati sikap malas untuk menunaikan solat ini timbul kerana tiada kesedaran tentang betapa beratnya tuntutan solat terhadap seorang muslim. Sikap ini terbawa-bawa daripada kecil yang mana ibu bapa sendiri tidak mengambil berat dan menekankan kepentingan solat kepada anak-anak. Mereka juga mengakui bahawa solat berjemaah di surau sepertimana yang dilakukan di asrama membantu mengikis perasaan malas tersebut tetapi apabila ingin menunaikan solat seorang diri perasaan ini hidup kembali.<sup>6</sup> Ini mungkin disebabkan rasa malu pada kawan-kawan dan disiplin asrama yang perlu dipatuhi.

Manakala sebab-sebab lain seperti sibuk, lupa dan tertidur mencapai 59%. 1% mengatakan ibu bapa tidak menyuruh sembahyang dan 1% lagi mengatakan ibu bapa juga tidak sembahyang. Walaupun peratusan yang melibatkan ibu bapa ini sedikit, ia perlu juga diberi perhatian memandangkan peranan ibu bapa sebagai teladan kepada anak-anak amat penting. Ibu bapa berperanan untuk membiasakan anak-anak dengan sembahyang kerana selepas waktu persekolahan guru-guru tidak lagi dapat mengawal pelajar. Penulis berpendapat guru-guru agama di sekolah telah menjalankan tanggungjawab dengan baik apabila tiada pelajar yang mengatakan tidak tahu sembahyang sebagai alasan untuk meninggalkan solat. Umat Islam perlu disedarkan tentang kepentingan solat kerana disinilah asas kekuatan dan kesatuan umat Islam terutama dalam menghadapi ancaman daripada barat yang ingin merenggangkan kekuatan jemaah umat Islam.

Jadual 3 : Sikap terhadap tegahan agama

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Pernah melakukan perkara yang ditegah	84	84
Tidak pernah melakukan perkara yang ditegah	14	14
Tiada jawapan	2	2

Jadual 4: Kesalahan yang dilakukan

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Menipu	37	37
Mencuri	11	11
Mengumpat	27	27
Berzina	1	1
Menagih dadah	0	0
Bergaduh	21	21
Lain-lain	27	27

Jadual 5 : Perasaan setelah melakukan kesalahan

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Bersalah dan berazam tidak akan melakukannya lagi	51	51
Bersalah tetapi sementara sahaja	35	35
Tidak merasa apa-apa bahkan seronok	2	2
Berazam tidak akan melakukannya apabila telah tua	6	6

Majoriti pelajar iaitu sebanyak 84% mengatakan bahawa mereka pernah melakukan sesuatu yang ditegah di dalam agama manakala 14% mengatakan tidak pernah. Mungkin peratusan ini tidak memeranjatkan kerana manusia sememangnya

tidak dapat lari daripada melakukan salah dan silap. Apa yang membimbangkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar ini agak berat dan boleh mendatangkan kesan yang tidak baik kepada masyarakat Islam terutamanya kepada pelajar itu sendiri. Diantara kesalahan yang paling banyak dilakukan ialah menipu sebanyak 37%, mengumpat 27%, bergaduh 21%, mencuri 11% dan paling membimbangkan berzina sebanyak 1%. Manakala kesalahan lain seperti meninggalkan puasa, mengeluarkan perkataan lucah, menonton video lucah, onani, mungkir janji, melawan ibu bapa, dedah aurat dan merokok sebanyak 24%. Penulis mendapati sebanyak 2% pelajar pernah meminum minuman keras dan 1% mempermainkan agama dengan mengatakan murtad.

Menurut Ustaz Mohd. Asri Abdullah salah laku dan masalah disiplin ini melibatkan pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang bermasalah. Mereka cuba mencari keseronokan di luar yang kononnya tidak diperolehi di rumah. Di tambah pula sikap tidak menghayati agama sebagai satu cara hidup dan pengaruh dari rakan sebaya. Kebanyakan daripada salah laku ini dilakukan apabila berada di luar waktu sekolah tanpa kawalan guru-guru dan ibu bapa. Ada di antaranya mempunyai rekod disiplin yang baik tetapi merokok dan terlibat dengan “gangsterisme” di luar waktu sekolah. Walaupun begitu kebiasaannya pelajar-pelajar bermasalah ini mempunyai masalah akademik dan kurang penumpuan di dalam kelas.<sup>7</sup>

Peratusan pelajar yang terlibat dengan kesalahan-kesalahan ini agak kecil tetapi ia amat membimbangkan kerana daripada seorang individu akan melahirkan

keluarga, dari keluarga akan melahirkan masyarakat. Tentunya masyarakat yang lahir daripada individu ini akan jauh daripada agama dan diselimuti kemungkar. Menurut Zakiah Hassan pengetua Rumah Sri Puteri Cheras, pembabitan remaja terutama melayu dalam kes juvana kini semakin membimbangkan kerana budaya moden dan pengaruh gaya hidup mewah dan bebas.<sup>8</sup> Ini perlu dipandang serius kerana pelajar-pelajar ini berada dalam usia yang terlalu muda iaitu di antara 14 hingga 19 tahun. Mereka perlu diberi kesedaran segera agar tidak terus lejang daripada kehidupan beragama. Barat akan bertepuk tangan sekiranya ini berlaku.

Melihat kepada perasaan mereka setelah melakukan kesalahan tersebut, sebahagiannya mengatakan rasa bersalah dan berazam tidak akan melakukannya lagi iaitu sebanyak 51% tetapi sebanyak 35% mengatakan rasa bersalah itu sementara sahaja. Ada juga yang berazam akan menghentikan perbuatan itu apabila telah tua kelak iaitu sebanyak 6%. Yang paling membimbangkan 2% mengatakan tidak merasa apa-apa bahkan seronok melakukannya.

Pelajar-pelajar ini perlu disedarkan segera dengan membawa mereka kembali kepada kehidupan akhirat yang bakal ditempuhi sedangkan kematian tidak mengenal usia. Merasakan kebesaran dan keagungan Allah s.w.t di dalam hati sanubari juga amat perlu agar mereka merasa gerun untuk melakukan dosa. Segalanya ini berpunca daripada mengikut hawa nafsu dan akal yang tiada batasan syariat.

Perasaan bersalah yang dirasai oleh 86% pelajar menunjukkan bahawa mereka tahu perbuatan itu satu dosa tetapi melakukannya juga kerana ia dianggap

boleh mendatangkan kegembiraan dan kepuasan. Inilah salah satu pemikiran pragmatisme yang cuba dibawa oleh barat tanpa disedari oleh pelakunya. Bezanya fahaman pragmatisme tidak mempunyai rasa bersalah kepada satu kuasa yang lebih tinggi iaitu Tuhan kerana fahaman ini menolak konsep ketuhanan yang mempunyai kekuasaan mutlak.

Jadual 6 : Rukun Iman

<b>JAWAPAN</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>PERATUS (%)</b>
Menandakan jawapan yang betul	91	91
Menandakan jawapan yang salah	9	9

Jadual 7 : Rukun Islam

<b>JAWAPAN</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>PERATUS (%)</b>
Menandakan jawapan yang betul	100	100
Menandakan jawapan yang salah	0	0

Rukun iman dan rukun Islam adalah asas utama di dalam menentukan seseorang individu muslim, mukmin atau tidak. Berdasarkan jadual 6 dan 7 yang telah dikemukakan ternyata pengetahuan pelajar terhadap rukun iman dan rukun Islam di tahap yang memuaskan. 91% menandakan rukun-rukun iman berdasarkan soalan dengan betul manakala 9% telah meletakkan tanda yang salah kerana keliru antara kepercayaan kepada kitab dengan kepercayaan kepada al-Quran. Mereka menjawab kepercayaan kepada al-Quran mungkin disebabkan ia adalah kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.



Jelas di sini pelajar-pelajar tersebut tahu tetapi tidak faham dan menghayati rukun-rukun tersebut. Mungkin juga mereka terpaksa mengingatnya kerana ia termasuk di dalam Penilaian Asas Fardhu Ain (PAFA) yang merupakan satu ujian yang perlu diduduki di sekolah tetapi tidak berfungsi untuk menjadikan mereka muslim mukmin yang sebenarnya. Ini menuntut guru-guru dan ibu bapa untuk berperanan dan menjelaskannya kepada pelajar.

Jadual 8: Tempat belajar agama

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Sekolah	75	75
Sekolah agama	44	44
Ibu bapa	54	54
Media massa / Media elektronik	27	27
Lain-lain	12	12

Daripada jadual 8 dapat dilihat bahawa pelajar hampir keseluruhannya mendapat didikan agama di sekolah iaitu sebanyak 75% tetapi 25% pelajar tidak meletakkan sekolah sebagai tempat belajar agama sedangkan mereka mengambil subjek Pendidikan Islam. Ini mungkin disebabkan mereka menganggap apa yang dipelajari di sekolah terlalu formal dan berorientasikan peperiksaan semata-mata bukan untuk diamalkan. Sekiranya benar guru perlu mengubah persepsi ini secepat mungkin. Manakala dari sumber-sumber lain sebanyak 44% daripada sekolah agama, 54% daripada ibu bapa, 27% daripada media massa dan media elektronik dan 12% daripada lain-lain sumber seperti masjid, surau, kuliah, ceramah agama, buku, kawan-kawan dan saudara mara.

Jadual 9 : Penghayatan Islam dalam keluarga

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Baik	80	80
Kurang memuaskan	19	19
Tidak baik	1	1

Jadual 10 : Sebab memilih jawapan seperti di dalam jadual 9

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS(%)
<b>Baik :</b>		
a) Ibu bapa dan keluarga mendirikan solat wajib	21	21
b) Keluarga menutup aurat	13	13
c) Ada kelas agama dirumah	4	4
d) Ada solat berjamaah	8	8
e) Saling memperingati	6	6
f) Mendapat didikan agama dari kecil	2	2
g) Mengamalkan ajaran Islam	9	9
h) Lain-lain	5	5
<b>Kurang memuaskan :</b>		
a) Ahli keluarga tidak sembahyang	9	9
b) Bapa tidak sembahyang	2	2
c) Ahli keluarga tidak menutup aurat	4	4
d) Didikan agama yang kurang	2	2
e) Lain-lain	1	1
<b>Tidak baik</b>	1	1
(Tiada sebab diberikan)		
<b>Tidak memberikan alasan</b>	11	11

Penghayatan Islam dalam keluarga dapat membentuk sahsiah dan pemikiran pelajar. Berdasarkan jadual 9 didapati 80% pelajar daripada keluarga yang mempunyai penghayatan agama yang baik. Manakala 19% kurang memuaskan dan

1% tidak baik. Pelajar-pelajar yang menyatakan penghayatan Islam dalam keluarga baik, 21% daripadanya melihat kepada ibu bapa dan amalan solat dalam keluarga. Sekiranya ahli keluarga menunaikan solat terutama ibu dan bapa maka ia dikira baik tetapi sekiranya ahli keluarga tidak menunaikan solat dan membuka aurat maka dianggap kurang memuaskan atau tidak baik. Ini terbukti dengan 11% pelajar memberi alasan ahli keluarga dan bapa tidak menunaikan solat dan 4% mengatakan ahli keluarga tidak menutup aurat.

Di sini jelas bahawa ibu bapa adalah agen pembentuk peribadi anak-anak yang paling utama kerana ia adalah model yang akan dicontohi oleh anak-anak. Walaupun begitu konsep penghayatan Islam yang baik dalam keluarga ini perlu diperjelaskan lagi. Ia bukan hanya cukup dengan melakukan suruhan yang wajib tetapi juga merangkumi segala amalan yang digalakkan di dalam Islam dan juga mengamalkan “menyeru kepada yang makruf dan meninggalkan segala yang mungkar”.

Jadual 11 : Pendirian apabila keinginan bercanggah dengan agama

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Mengorbankan kehendak diri	75	75
Melaksanakan juga tetapi akan bertaubat	21	21
Melaksanakan juga kerana ia dianggap tidak mendatangkan keburukan	1	1
Tiada jawapan	3	3

Sebelum ini penulis mengemukakan soalan tentang sikap pelajar setelah melakukan kesalahan tetapi di dalam jadual 11 penulis cuba mendapatkan respons pelajar tentang sikap mereka sebelum melakukan sesuatu yang ditegah oleh agama. 75% daripada pelajar mengatakan yang mereka tidak akan melakukan kesalahan tersebut dengan mengorbankan kehendak diri dan mematuhi kehendak agama. Ini merupakan satu bentuk kesedaran yang baik dengan tidak mementingkan kehendak peribadi yang ternyata didorong oleh nafsu. 21% mengatakan akan melakukan juga tetapi akan bertaubat. Pelajar-pelajar ini ternyata mengambil sikap ingin memuaskan keinginan yang pada fikirannya baik sedangkan dilarang oleh agama.

Jelas disini pemikiran yang menyokong idea pragmatisme sememangnya wujud walaupun dalam peratusan yang kecil. Ini disokong dan diperkuatkan lagi dengan 1% daripada pelajar yang mengatakan bahawa akan melakukan juga kesalahan tersebut walaupun bercanggah dengan agama kerana ia tidak mendatangkan apa-apa keburukan pada tanggapan mereka. Menurut Ustaz Mohd. Ropi Bin Ismail perasaan ini berpunca daripada kurangnya penghayatan terhadap nilai-nilai agama sebaliknya mereka lebih terdedah kepada budaya berseronok. Pada pandangan mereka apa yang di pandang baik maka tidak menjadi satu kesalahan untuk melakukannya. Sebarang halangan dan sekatan disifatkan sebagai mengongkong kebebasan.<sup>9</sup>

### 4.3.2 : Kefahaman terhadap landasan teori (falsafah pragmatisme)

Soalan yang berkaitan dengan kefahaman pelajar terhadap landasan teori ini penting bagi mengetahui sama ada falsafah pragmatisme yang menjadi topik kajian penulis telah mempengaruhi pemikiran pelajar secara langsung atau tidak langsung.

Jadual 12 : Pengetahuan tentang istilah pragmatik dan pragmatisme

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Tahu tentang pragmatik / pragmatisme		
a) Memberi pengertian yang betul	1	1
b) Memberi pengertian yang salah	6	6
Tidak tahu tentang pragmatik / pragmatisme	93	93

Jadual 13 : Pengetahuan tentang tokoh pragmatisme (William James & John Dewey)

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Mengenal William James & John Dewey	3	3
Tidak mengenal William James & John Dewey	97	97

Jadual 14 : Bahan bacaan barat

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Pernah membaca	43	43
Tidak pernah membaca	57	57

Jadual 15 : Jenis bahan bacaan

JAWAPAN	JUMLAH	PERATUS
Sains fiksiyen	11	11
Novel	21	21
Majalah	6	6
Sejarah	1	1
Perubatan	1	1
Motivasi	3	3

Berdasarkan jadual 12 ternyata pelajar secara majoritinya tidak mengetahui tentang pragmatik dan pragmatisme iaitu sebanyak 93%. Manakala yang mengatakan tahu tentang pragmatik dan pragmatisme hanyalah 7%. Walaupun begitu hanya 1% sahaja yang benar-benar tahu manakala 6% lagi hanya pernah mendengar dan telah memberikan pengertian yang salah tentang pragmatisme. Ini ditambah lagi dengan data daripada jadual 13 yang berkaitan dengan tokoh-tokoh aliran falsafah pragmatisme. Ternyata hanya 3% sahaja yang mengenali William James dan John Dewey tetapi tidak mengetahui tentang bentuk pemikiran yang diketengahkan. Manakala 97% pelajar tidak mengenali langsung kedua-dua tokoh tersebut.

Nyata di sini idea-idea dan pemikiran pragmatisme ini tidak mempengaruhi pelajar secara langsung sama ada melalui media massa, media elektronik atau bahan-bahan bacaan. Walaupun berdasarkan jadual 14 didapati 47% daripada para pelajar pernah membaca bahan bacaan barat tetapi ia bukanlah bahan bacaan yang berat seperti falsafah. Para pelajar hanya memilih bahan bacaan ringan seperti sains fiksiyen 11%, novel 21%, majalah 3%, buku-buku motivasi 3%, sejarah 1% dan

perubatan 1%. 57% pelajar pula tidak pernah membaca buku-buku bacaan daripada barat. Ini menunjukkan idea-idea dan kecenderungan pemikiran pelajar yang menyokong aliran falsafah ini hanyalah cetusan daripada pemikiran pelajar sendiri terutamanya pemikiran yang tidak dibendung dengan batas-batas agama dan kefahaman Islam yang mantap. Kemungkinan juga bentuk pemikiran yang mempengaruhi pelajar ini adalah hasil daripada bahan bacaan tempatan yang mana penulisnya telah terpengaruh dengan aliran falsafah pragmatisme. Idea-idea pemikiran ini telah diserap masuk tanpa disedari dan secara perlahan-lahan sepertimana masuknya pengaruh-pengaruh aliran barat yang lain seperti sekularisme, materialisme dan sebagainya.

Jadual 16 : Pengetahuan tentang aliran falsafah barat yang lain

JAWAPAN	JUMLAH YANG TAHU	PERATUS (%)
Rasionalisme	69	69
Empirisme	17	17
Intuitionisme	21	21
Idealisme	75	75
Realisme	71	71
Sekularisme	81	81

Berdasarkan jadual 16 ternyata pelajar-pelajar pernah mendengar atau mengetahui tentang beberapa aliran pemikiran barat yang lain walaupun tidak secara mendalam. Aliran yang paling terkenal ialah sekularisme iaitu sebanyak 81% mengetahuinya. Yang kedua ialah idealisme sebanyak 75%, diikuti dengan realisme 71%, rasionalisme 69%, intuitionisme 21% dan empirisme 17%. Kesimpulannya aliran-aliran ini lebih dikenali oleh pelajar daripada pragmatisme sedangkan

pragmatisme adalah satu aliran yang telah diterima oleh kebanyakan masyarakat dunia termasuk dunia Islam. Tambahan pula ia merupakan aliran yang tidak boleh diterima secara total kerana boleh menjejaskan akidah. Oleh itu langkah segera perlu diambil supaya pelajar khususnya dan masyarakat Islam umumnya diberi pendedahan segera dan terselamat daripada bahaya ini.

#### 4.3.3 : Idea-idea dan bentuk pemikiran

Bagi melihat sejauh mana para pelajar mempunyai idea dan pemikiran yang sama dengan falsafah pragmatisme, beberapa soalan dalam bentuk permasalahan<sup>10</sup> yang sering berlaku telah dikemukakan kepada pelajar dan hasilnya adalah seperti di dalam jadual 17 :

Jadual 17 : Penerimaan pengaruh pragmatisme

NOMBOR SOALAN	JAWAPAN					
	Idea / Pemikiran sama dengan pragmatisme		Idea / Pemikiran tidak sama dengan pragmatisme		Tiada jawapan	
	JUM.	%	JUM.	%	JUM.	%
23	34	34	66	66	0	0
24	12	12	85	85	3	3
25	20	20	79	79	1	1
26	9	9	91	91	0	0
27	5	5	95	95	0	0
28	5	5	92	92	3	3
29	13	13	87	87	0	0
30	11	11	80	80	9	9
31	15	15	82	82	3	3



Berdasarkan jadual 17, dapat dilihat bahawa sememangnya terdapat sebilangan pelajar yang mempunyai kecenderungan pemikiran yang mempunyai persamaan dengan aliran falsafah pragmatisme. Walaupun peratusannya kecil iaitu di antara 5% hingga 34% pada setiap soalan tetapi ia mestilah dipandang serius kerana pelajar-pelajar ini ternyata telah menghalalkan cara bagi mencapai sesuatu tujuan walaupun cara tersebut ditegah oleh agama contohnya mengadakan konsert<sup>11</sup> untuk memungut derma bagi anak-anak yatim, menggunakan duit yang ditemui di jalan untuk membayar yuran peperiksaan, menyandang jawatan yang menghalang menutup aurat untuk membiayai perubatan ibu yang sedang sakit dan sebagainya.

Hal ini diakui oleh Ustaz Zulkifli Bin Muhammadan yang merupakan Perunding Kanan Motivasi dan Dakwah Yayasan Akademi Siswazah. Menurut beliau sememangnya para pelajar dipengaruhi oleh pemikiran pragmatisme tetapi mereka tidak memahami idea-idea falsafah tersebut. Ini menyebabkan mereka meyakini bahawa cara mereka berfikir tidak menyalahi agama. Beliau menyarankan supaya bentuk-bentuk pemikiran baru terutama yang datang dari barat ini didedahkan kepada golongan remaja terutama pelajar.<sup>12</sup>

Selain itu sebilangan pelajar tidak memahami tentang kebenaran mutlak syariat Islam dan kekuasaan mutlak Allah s.w.t dengan menerima idea yang mengatakan agama yang tidak mendatangkan natijah yang baik kepada penganutnya adalah agama yang salah walaupun agama itu sendiri adalah benar. Ini tidak boleh diterima kerana sekiranya umat Islam mundur sebagai contohnya, tidak mungkin agama yang harus dipersalahkan. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana ia

melibatkan akidah umat Islam terutamanya golongan pelajar yang sedang membentuk kematangan berfikir. Sekiranya rosak akidah maka rosaklah keseluruhan agama maka natijahnya akan lahir masyarakat Islam yang membunuh Islam dengan keislamannya sendiri tanpa disedari.

#### 4.3.4 : Pandangan secara umum

Di akhir soalan kaji selidik penulis telah mengemukakan beberapa soalan untuk mengetahui beberapa sudut pandangan pelajar berkaitan dengan pembelajaran Pendidikan Islam yang ada sekarang dan minat pelajar untuk mengetahui tentang pemikiran barat. Hasil daripada kaji selidik tersebut adalah seperti di dalam jadual 18:

Jadual 18 :

SOALAN	JAWAPAN			
	Ya		Tidak	
	JUM.	%	JUM.	%
Pernah mendengar tentang serangan pemikiran barat dari guru	78	78	22	22
Ingin mempelajari bentuk-bentuk pemikiran barat	76	76	24	24
Sukatan pendidikan Islam sekarang mampu menguatkan akidah	56	56	44	44

Berdasarkan jadual 18 ternyata 78% iaitu majoriti daripada pelajar mengatakan tidak pernah mendengar tentang serangan pemikiran barat daripada guru

di sekolah khususnya guru agama. Manakala 22% mengatakan pernah didedahkan dengan perkara tersebut. Ini mungkin disebabkan guru hanya menerangkan sepintas lalu dan pelajar kurang memberi perhatian kerana tidak menyedari kepentingannya.

Jadual 19 : Sebab-sebab pelajar ingin dan tidak ingin mempelajari bentuk-bentuk pemikiran barat.

<b>JAWAPAN</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>PERATUS(%)</b>
<b>Ingin belajar kerana :</b>		
a) Ada juga yang baik dan tidak semua yang datang dari barat itu salah	31	31
b) Ingin maju seperti barat	9	9
c) Membuat perbandingan dengan Islam	11	11
d) Hendak menyebarkannya kepada masyarakat	2	2
e) Supaya tidak mudah terpengaruh	11	11
f) Lain-lain	9	9
<b>Tidak ingin belajar kerana:</b>		
a) Bercanggah dengan Islam	5	5
b) Takut terpengaruh	7	7
c) Boleh merosakkan akidah	5	5
d) Takut berdosa	2	2
e) Lain-lain	1	1
<b>Tidak memberikan alasan</b>	7	7

Jadual 19 menunjukkan majoriti pelajar iaitu sebanyak 76% berminat untuk mempelajari aliran pemikiran barat ini dengan alasan untuk mengetahui bentuk pemikiran tersebut dan sejauhmana ia boleh diterima. 31% berpendapat tidak semua yang datang dari barat perlu ditolak. Adakalanya ia boleh membantu membawa

kemajuan di dalam masyarakat. Dengan ilmu yang diperolehi pelajar akan lebih bersedia menghadapi dunia luar dengan akidah yang lebih terpelihara.

Manakala 24% pula tidak berminat dan tidak mahu mempelajarinya kerana menganggap ia akan mempengaruhi pelajar kerana idea-idea yang dibawa tidak boleh diterima dan boleh merosakkan akidah. 56% pelajar juga berpendapat sukatan Pendidikan Islam yang ada sekarang tidak mampu menguatkan akidah pelajar. Manakala 44% mengatakan sebaliknya. Perkara ini perlu dikaji semula oleh pihak yang bertanggungjawab agar pembelajaran pendidikan Islam di sekolah akan lebih berkesan.

## NOTA HUJUNG :

<sup>1</sup>Persatuan Ibu bapa dan Guru , Sek. Men. Keb. Victoria, Berita PIBG, Edisi 1, 1999, m.s 6-8.

<sup>2</sup>Sidang Redaksi , Majalah Sekolah "The Victorian", Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, 1999, m.s 1-9.

<sup>3</sup>Sidang Redaksi , Majalah Sekolah "The Victorian", Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, 2000.

<sup>4</sup>Temubual dengan Ustaz Mohd Asri Bin Abdullah, guru Pendidikan Islam merangkap guru disiplin Sek. Men. Keb. Victoria, Kuala Lumpur pada 31 Mac 2001, jam 9.32 pagi bertempat di rumah warden asrama.

<sup>5</sup>Temubual dengan Ustaz Tuan Syed Zakaria Bin Tuan Syed Hasan Al Yahya, Ketua Panitia Pendidikan Islam selaku guru penasihat PPIVI, Sek. Men. Keb. Victoria, Kuala Lumpur pada 20 Februari 2001, jam 9.15 pagi bertempat di bilik guru.

<sup>6</sup>Temubual dengan beberapa orang pelajar asrama Sek. Men. Keb. Victoria, yang minta dirahsiakan namanya, pada 11 April 2001, jam 8.10 malam bertempat di rumah warden asrama.

<sup>7</sup>Temubual dengan Ustaz Mohd Asri Bin Abdullah, Op-cit.

<sup>8</sup>Berita Harian , 12 Julai 2000.

<sup>9</sup>Temubual dengan Ustaz Mohd. Ropi Bin Ismail , Penolong Pengarah Dakwah dan Kepimpinan, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, pada 17 Julai 2001, jam 10.23 pagi, bertempat di Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Jalan Semarak, Kuala Lumpur.

<sup>10</sup>Rujuk soalan di dalam borang soal selidik (lampiran E).

---

<sup>11</sup> Tidak termasuk di sini konsert-konsert Islam yang tidak melanggar syariat.

<sup>12</sup> Temubual dengan Encik Zulkifli Bin Muhammadan, Perunding Kanan Motivasi dan Dakwah, Yayasan Akademi Siswazah Malaysia, pada 16 Julai 2001, jam 3.10 petang, bertempat di kediaman beliau di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.